



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA)

MENARA SSM@SENTRAL
NO. 7, JALAN STESEN SENTRAL 5,
KUALA LUMPUR SENTRAL,
50470 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2299 4400
Faks : 03-2299 4411
Emel : enquiry@ssm.com.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SSM/SPA/PR1/4/7

Tarikh : 17 Oktober 2011

Kepada Presiden/ Setiausaha

Badan Profesional / Persatuan Setiausaha / Dewan Perniagaan

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

**PENGUMUMAN BERHUBUNG PENERBITAN NOTA AMALAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA: PRACTICE NOTE NO.
12/2011: COMPLIANCE PROGRAMME TO ENCOURAGE
TIMELY SUBMISSION OF ANNUAL RETURNS AND AUDITED
FINANCIAL STATEMENTS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, bersama-sama ini dilampirkan pengumuman Nota Amalan 12/2011 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkaitan dengan perkara yang disebut di atas.
3. Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan seterusnya, Nota Amalan 12/2011 ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi panduan kepada syarikat berhubung penyerahsimpanan penyata tahunan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi menekankan keperluan pematuhan yang berkaitan di bawah Akta Syarikat 1965.
4. Di sini kami ingin memohon perhatian dan jasa baik pihak Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk menyebarkan dan menghebahkan makluman ini kepada semua ahli persatuan melalui laman web, emel dan pos.

5. Sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi kami di talian telefon 03-2299 5489 atau dengan melayari laman web SSM : www.ssm.com.my

6. Segala sokongan, perhatian dan kerjasama yang diberikan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian terima kasih.

"KE ARAH KECEMERLANGAN SSM"

Yang benar,

b/p 

MOHAMMAD SHAHREN MOHAMAD YUSRI

b/p Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia